Metro Ahad | 07.01.2024

lokal

# GERAI KECIL PUN BOLEH KENA SIHIR 'TUJU-TUJU'!



## 'Perbuatan jatuh syirik, dimurkai Allah SWT'

Kuala Lumpur: Amalan menggunakan sihir untuk menutup periuk nasi peniaga dan melariskan jualan sendiri adalah perbuatan khurafat yang boleh memakan diri sendiri.

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Profesor Madya Dr Mahyuddin Ismail berkata, tujuan menghantar sihir perniagaan bertujuan menutup rezeki seseorang peniaga.

Katanya, ada kes perniagaan makanan dan minuman hampir 'lingkup' angkara perbuatan sihir yang menyebabkan pelanggan berkurangan.

"Malah pada hari tertentu, langsung tiada pembeli berkunjung ke kedai berkenaan.

"Bagi sihir penutup rezeki contohnya, ada pengamal menampal gula-gula getah pada meja makan restoran dan pendapatan yang diperoleh pemilik perniagaan itu menurun kepada RM200 ke RM300 sehari berbanding sekitar RM3,000 hingga RM10,000 sehari.

"Perbuatan sihir ini sudah wujud dan diamalkan sejak sekian lama. Ia bukanlah perkara baharu atau rekaan. Semuanya berpunca penyakit hati yang tidak diperbaiki hingga mengakibatkan hasad dengki, dendam, marah dan sebagainya menguasai jiwa," katanya.

Menurut Mahyuddin lagi, terdapat banyak cara dalam ajaran Islam menghilangkan pengaruh sihir antaranya membaca Surah Al-Baqarah di premis berkenaan.

Selain itu, boleh diamalkan melaungkan azan di dalam premis berkenaan sebanyak tujuh kali.

"Pemilik perniagaan juga boleh mengamalkan bacaan ayat Mimril serta tahlil 1,000 kali sehari semasa berniaga.

"Namun jika kes lebih serius, disyorkan mendapatkan bantuan dari perawat Islam yang mahir dan berpengalaman menangani sihir itu," katanya.

Sementara itu, Mahyuddin berkata, setiap penyakit ada ubatnya namun paling penting mengetahui tepat punca gangguan berkenaan.

"Jika tersilap mengenalpasti punca, masalah tersebut tidak dapat diselesaikan," katanya.

Menurutnya, umat Islam dilarang menggunakan sihir untuk apa juga tujuan sekalipun kerana ia hanya menyebabkan penderitaan.

"Selain itu, orang yang menggunakannya juga boleh jatuh syirik dan ia perbuatan dimurkai Allah SWT.

"Kepada semua peniaga, ingatlah rezeki adalah ketentuan Allah SWT, jadi biarlah kita susah sekejap dalam mencari rezeki halal di dunia, tetapi bahagia dan diredai Tuhan di akhirat sana," katanya.